

Rakyat bangga dengan kebolehan PM — Liong Sik

SEGAMAT 31 Jan. — Rakyat Malaysia patut berbangga kerana mempunyai pemimpin seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang berkebolehan memimpin negara sehingga disanjung oleh negara-negara membangun di dunia.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, kebolehan Perdana Menteri terserlah apabila berjaya menjawab isu-isu mengenai krisis ekonomi semasa menjadi tetamu khas di Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

"Kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi,

tetapi kita bernasib baik mempunyai Perdana Menteri yang bijak bertindak bagi menangani masalah ini.

"Perdana Menteri berjaya membawa Malaysia sebagai sebuah negara membangun sehingga menjadi contoh negara-negara membangun lain di dunia," tegasnya.

Masalah

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di majlis perjumpaan Hari Raya Aidilfitri anjuran UMNO Bahagian Labis di pekarangan Masjid Jamek, Bukit Siput, di sini petang ini.

Turut hadir Menteri Be-

sar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Dr. Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, hasil tindakan drastik Perdana Menteri dalam menangani masalah kegawatan ekonomi kini sudah terdapat tanda-tanda positif antaranya peningkatan jualan kenderaan bermotor, perumahan dan penambahan rizab negara.

Ini, katanya, mendorong banyak pemimpin negara membangun melawat Malaysia untuk mendapatkan taklimat tentang cara bagaimana negara ini menangani masalah tersebut.

Kata Dr. Ling, hampir setiap hari ada sahaja pe-

lawat asing yang berkunjung ke Malaysia untuk mendapat taklimat dari Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Menurut beliau, sejak Malaysia membangun di bawah kerajaan Barisan Nasional, negara telah mencapai kemajuan yang pesat berbanding ketika dijajah dahulu.

Kejayaan ini, katanya, adalah hasil kerjasama erat semua pihak terutamanya parti-parti komponen yang dulunya menyertai Perikatan dalam meneruskan perjuangan mereka membela rakyat.